



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 77/2018**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PERUBATAN KANAN GRED II (PERGIGIAN) (MD.17)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kesihatan.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



MAKLUMAT PENTING

Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian I

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik (dokumen asli)** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang 'Apply';



Kad Pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|------------------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Kad_Pengenalan.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Lesen_Memandu.pdf |



Sijil-sijil tertinggi/professional serta KELULUSAN TRANSKRIP sepertimana yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan pengesahan pengiktirafan kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|----------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | PHD.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | MASTER.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | DEGREE.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HND.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | HNC.pdf |
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | ND.pdf |

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



| | | Title of Examination | University/College | Result of Examination | Upload File |
|--|--|-------------------------|------------------------------|-----------------------|----------------------------|
| | | BACHELOR OF ARTS | Universiti Brunei Darussalam | PASS | DEGREE.pdf |
| | | Field | | | |
| | | BUSINESS ADMINISTRATION | | | |
| | | + Add | | | |



Pengesahan mengenai dua kertas kerja yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

| | From (Years) | To (Years) | Date of Certificate | Upload File |
|--|--------------|------------|---------------------|----------------------------------|
| | 2016 | 2016 | 25/8/2016 | Kertas Kerja.pdf |



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "*Current Government Employee*" / "Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

| | Start Date | To Date | Name And Address of Employer | |
|--|------------|------------|--|---|
| | 01/02/2015 | | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | ▲ |
| | 01/02/2015 | 31/01/2016 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | |
| | 01/02/2014 | 31/01/2015 | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office | ▼ |



Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat di atas telah dimuat naik sepanjang pengetahuan saya dan semua dokumen yang dikemukakan adalah salinan yang benar bagi dokumen asal. Apa-apa dokumen palsu, maklumat yang mengelirukan dan tidak lengkap akan menyebabkan permohonan saya ditolak.



| | | |
|---------------------|---|---|
| 1. JAWATAN | : | PEGAWAI PERUBATAN KANAN GRED II (PERGIGIAN) |
| KEMENTERIAN/JABATAN | : | KEMENTERIAN KESIHATAN |
| BAHAGIAN | : | I |
| TANGGAGAJI | : | MD.17 |
| KEKOSONGAN | : | SEPULUH (10) |

KELAYAKAN MINIMUM:

- 1.a) Tamat Program Latihan Kepakaran Asas (*Basic Specialist Training, BST*) dalam bidang pergigian di luar negeri atau kelolaan *Post-Graduate Advisory Training Board (PGATB)*, Kementerian Kesihatan, menjadi ahli (*Membership*) kepada *the Royal Colleges (MFDS, MJDS, MFGDP)* atau yang sebanding atau mempunyai Ijazah *Professional Masters* atau sebanding.

DAN

Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Perubatan (bermula dari M16P) selama tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- b) Tamat *BST* kelolaan *PGATB*, Kementerian Kesihatan selama tidak melebihi 4 tahun dalam disiplin pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan serta lulus *MOH Internal Assessment (Basic)* **dan** telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pegawai Perubatan Gred I (MD.16A) selama tidak kurang dari 6 tahun.

Disiplin-disiplin di bawah perkhidmatan Pergigian:

- *Community Dentistry*
- *Dental Public Health*
- *Endodontics*



- *Implantology*
 - *Oral Surgery*
 - *Orthodontics*
 - *Paediatric Dentistry*
 - *Periodontology*
 - *Prosthodontics*
 - *Special Needs Dentistry*
 - Lain-lain disiplin yang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan
2. Mengikuti latihan untuk Perkembangan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development*) atau Pendidikan Pergigian Berterusan (*Continuous Dental Education*).
 - 3.a) Mengikuti Program Latihan Kepakaran Lanjutan (*Advanced Specialist Training, AST*) / *Seamless* bagi yang mempunyai kelulusan *Membership of the Royal Colleges* atau yang sebanding atau bagi yang mempunyai Ijazah *Professional Masters* atau yang sebanding.

ATAU

- Mengikuti Program latihan *Non-Structured AST* dalam kepakaran pergigian bagi yang tidak dapat mengikuti *Structured AST / Seamless*.
- b) Dikehendaki mengikuti kursus dan latihan yang bersesuaian yang dirancang oleh Kementerian Kesihatan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
 4. Hendaklah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat seperti yang ditetapkan.
 5. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
 6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengendalikan perkhidmatan pergigian yang telah ditetapkan.
2. Mengendalikan perkhidmatan pergigian di luar waktu pejabat seperti *on-call*.
3. Melibatkan diri dalam pendidikan perkhidmatan pergigian bagi penuntut.
4. Terlibat dalam program-program dan aktiviti-aktiviti perkhidmatan pergigian.
5. Menyediakan kertas-kertas kerja berkaitan dengan tugas.
6. Menghadiri persidangan, mesyuarat atau seminar yang berkenaan di peringkat serantau / antarabangsa bagi meningkatkan profesionalisme.
7. Menjalankan kajian dan penyelidikan tertentu bagi isu-isu perkhidmatan pergigian.
8. Meneliti dan memberikan cadangan bagi dasar-dasar perkhidmatan pergigian.
9. Melaksanakan apa saja tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.